

Kerajaan Peruntuk RM300 Juta Bagi Bangunkan Penempatan Nelayan Di Seluruh Negara - Noh Omar

ALOR GAJAH, 15 Dis (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memperuntukkan RM300 juta bagi membangunkan penempatan nelayan di seluruh negara untuk tempoh tiga tahun bermula tahun depan.

Menterinya Datuk Seri Noh Omar berkata program itu membabitkan kerjasama kementeriannya dan kerajaan negeri bagi memastikan perkampungan nelayan lebih tersusun selain dilengkapi kemudahan untuk aktiviti ekonomi.

"Kita ada peruntukan tetapi kerajaan negeri perlu mencari tapak atau tanah yang sesuai bagi membangunkan penempatan nelayan ini," katanya kepada pemberita selepas lawatan kerja ke Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Kuala Linggi, di sini Khamis.

Noh berkata peruntukan itu akan diguna untuk membaiki rumah nelayan sedia ada, membina rumah baru serta membina penempatan semula.

Di Melaka katanya, kerajaan negeri bercadang membina 55 rumah bagi nelayan di Kuala Linggi, manakala satu kawasan di Teluk Gong diperuntukkan sebagai penempatan nelayan.

Sementara itu, Noh berkata kementeriannya telah menyusun semula peranan Jabatan Perikanan dan LKIM dalam usaha memantapkan lagi industri perikanan di negara ini.

Menerusi penyusunan semula itu, peranan memajukan industri perikanan dikendalikan Jabatan Perikanan, manakalan LKIM pula menumpukan kepada usaha meningkatkan pendapatan nelayan.

Langkah itu bagi menggandakan pendapatan nelayan selaras matlamat kerajaan menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi, katanya.

--BERNAMA